



Headline: RM430,151.55 lesap ditipu Macau Scam
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 16 July 2021

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 18

RM430,151.55 lesap ditipu Macau Scam

Alor Setar: Seorang jurutera wanita kerugian RM430,151.55 akibat diperdaya sindiket Macau Scam, selepas menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersil Kedah, Superintendan Elias Omar berkata, mangsa berusia 46 tahun menerima panggilan daripada lelaki berkenaan pada jam 11 pagi 23 Mei lalu, di rumahnya di Taman Ihsan, Lunas di Kulim.

Beliau berkata, lelaki itu memberitahu mangsa mempunyai tunggakan cukai syarikat yang didaftarkan atas namanya sebanyak RM1,200.

"Panggilan kemudian disambungkan ke Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka dan bercakap dengan seorang lelaki sebagai Sarjan Shahrizal yang mengesahkan bahawa nama mangsa terbabit dengan pelbagai kes jenayah.

"Mangsa kemudian dihubungi seorang lelaki kononnya pegawai polis bernama Datuk Seri Liu Wai Kit dari Jabatan Siasatan Jenayah D9 IPK Melaka yang menyatakan mangsa terbabit dengan kes pengubahan wang haram dan pengedaran dadah serta terdapat waran tangkap terhadap mangsa," katanya dalam satu kenyataan, semalam.